

## **Islam dalam Perlembagaan Malaysia: Kewajarannya berdasarkan Faktor Kesultanan Melayu**

Haji Hairuddin Megat Latif \*

*Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia*

Che Asiah Abdullah

*Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Perlis*

\*Corresponding author; email: hairuddin@uum.edu.my

“A lawyer without history or literature is a mechanic, a mere working mason; if he possesses some knowledge of these, he may venture to call himself an architect.”  
(Scott, Guy Mannering)<sup>1</sup>

### **ABSTRAK**

*Kesultanan Melayu dan kaitan rapatnya dengan Islam jelas merupakan lanjutan dan rentetan sejarah yang bermula daripada sejarah Kesultanan Melayu Melaka lagi. Setelah runtuhnya Kesultanan Melayu Melaka, Sultan-sultan Melayu masih lagi mengekalkan tradisi ini sehingga sekarang. Malahan semua Perlembagaan negeri-negeri Melayu, dengan jelas menyatakan seorang yang berketurunan raja, hanya layak ditabal sebagai Sultan sekiranya Baginda beragama Islam. Boleh dikatakan Islam dan Kesultanan Melayu umpama aur dengan tebing atau umpama isi dengan kuku. Jika berpisah antara mereka, maka lemahlah kedua-duanya. Malah jika kita mengkaji sejarah mana-mana negara di dunia, agama rasmi negara itu adalah menurut agama rajanya atau ketua negaranya. Di England, oleh kerana raja-raja beragama Kristian, maka, agama rasmi negaranya ialah Kristian. Seterusnya, di Thailand, agama rasminya ialah Buddha kerana raja-raja beragama Buddha. Manakala, di China, tiada agama rasmi kerana ketua-ketua negaranya adalah tidak beragama. Begitu juga dengan Russia, tiada agama rasmi negara. Oleh yang demikian, amatlah wajar Islam dimartabatkan dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai agama Persekutuan (Malaysia) memandangkan Sultan-sultan Melayu beragama Islam dan Perlembagaan juga memartabatkan Kesultanan Melayu di dalamnya. Maka keputusan Suruhanjaya Reid menjadikan Islam agama Persekutuan adalah satu keputusan yang betul.*

**Katakunci:** *negeri-negeri Melayu, tradisi, martabat, Suruhanjaya Reid*

## **Islam and Malaysian Constitution: Its Appropriateness based on Malay Sultanate Factor**

### **ABSTRACT**

*The Malay Sultanate and its close relationship with Islam clearly reflect the continuity and historical events which began with the Malacca Malay Sultanate. With the collapse of the Malacca Malay Sultanate, the Malay Sultans still maintained its traditions until today. In fact, all constitutions of the Malay States clearly stated that, only a descendent of the ruler has the right to be proclaimed as a Sultan if he is a Muslim. If separated both of them will be weak. The study of history of any countries in the world would show that the official religion of that particular country would follow that of its ruler or country. In England, Christian became its official religion by virtue of the rulers being Christian. In addition, in Thailand, the official religion is Buddha because its rulers are Buddha. There is no official religion in China because the heads of the state has no religion. Similar case applies to Russia as it has no official religion. Hence, it is appropriate that Islam is declared in the Federal Constitutions as the official religion of the Federation (Malaysia) because the Malay sultans are Muslim and that the Constitution itself uplifts*

*the Malay Sultanate. Therefore, Reid's Commission which proclaimed Islam as the Federation's official religion has made the right decision.*

**Keywords:** *Malay States, traditions, declared, Reid Commission*

## PENGENALAN

Sejak akhir-akhir ini, banyak isu-isu mengenai Islam ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu di Malaysia. Contohnya, pada awal tahun 2005, ada pihak yang telah mencadangkan agar ditubuhkan Suruhanjaya Antara Agama (IRC) , yang mana mereka mencadangkan agar agama Islam juga dimasukkan di bawah bidangnya. Draf penubuhan IRC dirangka oleh Majlis Peguam Malaysia, Yayasan Konrad-Adenaur dan Majlis Perundingan Malaysia bagi ajaran Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh (MCCBCCH).<sup>ii</sup>

Cadangan ini telah mendapat bantahan daripada pihak-pihak yang beragama Islam. Antara pihak-pihak yang membantah cadangan untuk menubuhkan IRC ini ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (pada ketika itu) di mana menurut beliau;

“Saya tak bersetuju. Sebagai menteri saya menentang kerana ia bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan di mana Islam menjadi agama rasmi. Jika mereka (Majlis Peguam) mahukan wujudkan suruhanjaya antara agama lain itu terserah, tapi jika mahu babitkan Islam...Kita tidak boleh terima.”<sup>iii</sup>

Manakala Y.A.B Timbalan Perdana Menteri (pada ketika itu) memberi respons seperti berikut:

“Apa yang berkaitan dengan agama Islam adalah sensitif. Sebab itu kita harap semua pihak mengambil kira hakikat ini dan sebarang cadangan mengenainya mestilah mengambil kira kedudukan Islam sebagai agama rasmi. Kita juga perlu sedar wujud pihak berkuasa yang bertanggung jawab terhadap pentadbiran agama Islam dalam negara kita. Sebab itulah sebarang perkara membabitkan agama Islam tidak perlu diperbesar-besarkan dengan mengambilkira kedudukannya sebagai agama rasmi dan sensitiviti umat Islam.”<sup>iv</sup>

Majlis Mufti-Mufti Malaysia juga menentang dengan keras cadangan penubuhan IRC, kerana pihak Majlis Mufti berpendapat IRC tidak memberi sebarang faedah kepada umat Islam, bahkan merugikan mereka.<sup>v</sup> Menurut Mufti Negeri Perak, “ Islam hanya boleh dibincangkan oleh orang Islam dan orang bukan Islam tidak berhak untuk membincangkan perkara berkaitan hukum atau hal ehwal agama Islam.”<sup>vi</sup>

Semasa pihak Inggeris memperkenalkan sistem Residen di Negeri Negeri Melayu Bersekutu, antara perkara yang tidak akan dicampurtangan oleh pihak Inggeris ialah hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat orang-orang Melayu, kerana mereka tahu bahawa dua perkara tersebut adalah sensitif bagi orang-orang Melayu.

Selain cadangan penubuhan IRC, terdapat beberapa lagi isu yang menyentuh sentimen orang-orang Islam. Misalnya pada 14 Mac 2005 umat Islam dikejutkan dengan sarung sosej yang diperbuat daripada usus babi. Perkara ini berbangkit akibat daripada penyalahgunaan logo halal oleh peniaga-peniaga bukan Islam.<sup>vii</sup> Isu berkaitan penggunaan sarung sosej daripada usus babi telah banyak mengisi ruang-ruang akhbar untuk beberapa hari.<sup>viii</sup>

Kemudian, terkini timbul pula isu di mana ada kumpulan yang meminta artikel 11 Perlembagaan disemak semula atau dipinda atau dibuang terus daripada Perlembagaan. Kumpulan ini menggelarkan diri mereka

sebagai Inter-faith Commission (IFC). Persatuan Peguam Syarie dan pertubuhan bukan kerajaan orang Islam (NGO), membantah keras mengenai cadangan ini.

Isu demi isu ditimbulkan mengenai agama Islam di Malaysia. Soalnya apakah sebab atau motif sebenarnya yang mendorong pihak-pihak berkenaan menimbulkan isu-isu yang menyentuh hal-hal yang bersangkutan paut dengan agama Islam? Adakah perkara ini ditimbulkan secara sengaja atau ianya berlaku tanpa sedar? Atau adakah mereka tidak mengetahui tentang kedudukan dan status agama Islam di dalam Perlembagaan Persekutuan? Ataupun mereka memang mengetahui tentang wujudnya peruntukan mengenai agama Islam dalam perlembagaan dan mereka juga mengetahui tentang keistimewaan yang diberikan oleh perlembagaan kepada agama Islam, lantas mereka berhasrat untuk mengurangkan hak istimewa itu. Jika itulah alasannya, seolah-olah keputusan yang dibuat oleh Suruhanjaya Reid<sup>ix</sup> mengenai status agama Islam dalam Perlembagaan adalah tidak betul. Betul atau tidak keputusan Suruhanjaya Reid boleh kita buktikan dengan menyorot kembali sejarah kedatangan dan kedudukan agama Islam di Tanah Melayu. Bagi tujuan artikel ini penulis hanya memfokus kepada pengaruh dan kesan sejarah Kesultanan Melayu terhadap peruntukan Perlembagaan berkaitan Raja-raja Melayu dan Islam.

### **Status Islam Menurut Perlembagaan Persekutuan**

Berikut diperturunkan sepenuhnya peruntukan Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 3(1): Agama Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

Perkara 3(2): Dalam tiap-tiap Negeri melainkan Negeri-negeri yang tidak mempunyai raja, kedudukan Raja sebagai ketua agama Islam dalam negerinya secara dan setakat mana yang diakui dan diisytiharkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan juga, tertakluk kepada Perlembagaan Negeri itu, segala hak, keistimewaan, hak kedaulatan dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai ketua agama Islam tidaklah tersentuh dan tercacat, tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-raja supaya meliputi seluruh Persekutuan, maka tiap-tiap orang Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua Agama Islam membenarkan Yang Di Pertuan Agong mewakilinya.

Perkara 3(3): Perlembagaan-perlembagaan bagi negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak hendaklah masing-masing membuat peruntukan bagi memberi kepada Yang Di Pertuan Agong kedudukan sebagai Ketua agama dalam Negeri itu.

Perkara 3(5): Walau apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang Di Pertuan Agong hendaklah menjadi ketua agama Islam dalam Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh dengan undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengadakan peraturan mengenai hal ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihatkan Yang Di Pertuan Agong mengenai perkara-perkara berhubung dengan agama Islam.

#### ***Perkara 3(1) Islam agama Persekutuan***

Menurut Hakim Hashim Yeop Sani Artikel 3 ini tidak mempunyai kesan undang-undang dan niatnya barangkali mengenakan syarat ke atas upacara Negara agar ianya dijalankan menurut ibadat orang-orang Islam. Ini hanyalah boleh membawa maksud bahawa untuk tujuan luaran, Malaysia bolehlah mengisytiharkan dirinya sebagai sebuah negara orang Islam, walaupun tidak semua undang-undang di Malaysia berdasarkan ajaran-ajaran Islam.<sup>x</sup> Kenyataan yang membawa maksud yang sama juga disebut oleh Andrew Harding seperti berikut

“...walaupun Islam sebagai agama Persekutuan, Malaysia bukanlah sebuah Negara Islam.”<sup>xi</sup>

Sungguhpun kedudukan Islam adalah sedemikian, tetapi setidak-tidaknya penderaf-penderaf Perlembagaan Persekutuan telahpun mengambil kira kedudukan dan martabat Islam daripada segi sejarahnya di Tanah Melayu. Agama Islam yang mana apabila diterima dan dianuti oleh Raja-raja Melayu telah diletakkan pada suatu tempat yang tinggi dan dijadikan sumber undang-undang di Tanah Melayu sebelum kedatangan penjajah barat selain bersandarkan adat Melayu. Dalam dunia moden ini dengan adanya pernyataan tentang status Islam itu dalam Perlembagaan adalah merupakan satu pengiktirafan yang amat besar maknanya, apatah lagi bila Perlembagaan itu sendiri adalah asas kepada pemerintahan sebuah negara moden. Perhatikan petikan penghakiman dalam kes *Meor Atiqulrahman bin Ishak & Ors*. Lwn. *Fatimah bte Sihi & Ors*<sup>xiii</sup> yang berikut :

“Pada pendapat saya “ Islam ialah agama bagi Persekutuan tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai” bermakna Islam adalah agama utama di antara agama-agama lain yang dianuti di negara ini seperti Kristian, Buddha, Hindu dan selainnya. Islam bukan duduk berganding bahu atau berdiri sama tegak...Ia duduk di atas, ia berjalan dahulu, terletak di tempat medan dan suaranya lantang kedengaran. Islam ibarat pokok jati-tinggi, teguh dan terampil. Jika bukan sedemikian Islam bukanlah agama bagi Persekutuan tetapi adalah salah satu di antara beberapa agama yang dianuti di negara ini dan setiap orang sama-sama bebas mengamalkan mana-mana agama yang dianuti, tiada lebih satu dan yang lain.”

Dalam kes *Meor Atiqulrahman* isu yang terlibat ialah sama ada seorang budak yang beragama Islam yang memakai serban di sekolah adalah berdasarkan sunnah yang ditetapkan di dalam prinsip Islam atau tidak. Hakim Yang arif berpendapat, memakai serban bukanlah sunnah yang ditetapkan. Oleh yang demikian, Hakim Yang Arif memutuskan bahawa bukanlah kewajipan agama atau kewajipan di bawah prinsip Islam kepada seorang kanak-kanak lelaki memakai serban ke sekolah.

Sungguhpun petikan daripada kes *Meor Atiqulrahman* begitu sedap didengar, namun, undang-undang Islam bukanlah undang-undang yang tertinggi di Malaysia. Menurut Perkara 4 Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi:

Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas hari Merdeka dan yang berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu.

Berdasarkan perkara di atas, kita dapati undang-undang Islam hanya diterima untuk dilaksanakan dalam bentuk yang sempit bahkan ruang yang sempit itupun masih juga diganggu.<sup>xiii</sup> Keadaan ini tidaklah menghairankan, kerana tujuan menjadikan Islam sebagai agama Persekutuan adalah untuk upacara-upacara rasmi sahaja seperti membolehkan sembahyang dilakukan dengan baik, upacara pertabalan Yang Di Pertuan Agung, menetapkan tarikh berpuasa dan sebagainya. Mungkin juga peruntukan ini membolehkan penerapan nilai-nilai Islam dilaksanakan tetapi tidak penghayatan secara sepenuhnya. Adalah diakui bahawa peruntukan Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan tidak memberi kesan terhadap kedudukan Persekutuan pada masa ini sebagai sebuah negara sekular.<sup>xiv</sup> Kesan ini telah ditegaskan oleh Suruhanjaya Reid dalam laporannya yang berbunyi:

Agama Persekutuan adalah agama Islam. Pemakaian prinsip ini hendaklah tidak menyekat rakyat-rakyat bukan Islam menganut dan mengamalkan agama mereka dan hendaklah tidak membawa maksud negara ini bukan negara sekular.<sup>xv</sup>

Kenyataan Suruhanjaya Reid itu disebut semula oleh Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara, Abdul Hamid dalam kes *Teoh Eng Huat* lwn. *Kadhi, Pasir Mas & Yg. Ln.*<sup>xvi</sup>

Applikasi kenyataan di atas boleh dilihat dengan jelas daripada kes *Che Omar bin Che Soh* lwn. *PP*<sup>xvii</sup>. Dalam kes ini Mahkamah Agung mendengar satu rayuan terhadap hukuman mati mandatori yang dijatuhkan terhadap perayu. Perayu telah disabitkan atas kesalahan mengedar dadah dan kesalahan di bawah Akta Senjata Api (Hukuman Tambahan) 1974. Telah diujahkan bahawa hukuman berkenaan adalah tidak sah kerana bertentangan dengan Perlembagaan. Ini adalah kerana Perlembagaan sebagai undang-undang utama Persekutuan, memperuntukkan bahawa Islam adalah agama Persekutuan, maka hukuman berkenaan adalah bertentangan dengan Islam, dan dengan itu terbatal. Mahkamah Agung memutuskan bahawa hukuman tersebut adalah sah walaupun ia tidak selari dengan undang-undang Islam. Mahkamah juga memutuskan bahawa apabila negara mencapai kemerdekaan, Perlembagaan, menurut Artikel 162, mengekalkan kesinambungan undang-undang sekular yang dipakai sebelum kewujudan Perlembagaan Persekutuan.

Selain Islam sebagai agama Persekutuan, Islam juga digunakan sebagai panduan bagi menentukan sama ada seseorang itu berbangsa Melayu atau tidak. Seandainya kita melihat takrif bangsa Melayu dalam Perlembagaan, pastilah kita akur, betapa penggubal Perlembagaan mengakui akan amat rapatnya Islam dan Bangsa Melayu. Artikel 160 Perlembagaan Persekutuan, mentakrifkan Melayu sebagai seorang yang bertutur bahasa Melayu, mengamalkan adat Melayu dan menganut agama Islam. Perhatikan titah utama Y.A.M. Raja Muda Perak Raja Dr. Nazrin Shah,

“Takrif bangsa Melayu diperkemas, diikat dengan adat, disimpul dengan bahasa, disalut dengan agama.”<sup>xviii</sup>

Mengapa agaknya Melayu dan Islam disamakan, disatukan dan tidak dapat dipisahkan?

Jawapan kepada persoalan ini boleh dilihat dengan jelas daripada petikan ini:

“Masyarakat Melayu dengan segala ciri dan coraknya hari ini telah terbentuk dalam suatu persekitaran sejarah yang lama, sebahagian terpenting daripadanya oleh faktor Islam. Pendedahan kepada agama itu sepanjang beberapa abad telah mengubah pelbagai dimensi hidup orang Melayu yang asal, menyebabkan suatu transformasi umum yang membangkitkan pandangan dunia dan perilaku mereka dan proses ini berterusan hingga kini.”<sup>xix</sup>

Islamisasi di kalangan orang Melayu tidak dapat dipisahkan daripada Islamisasi yang lebih luas di Asia Tenggara yang mana orang Melayu telah menerima pendedahan yang serupa dan ini telah menentukan trend dan tempo pengislaman di Asia Tenggara.<sup>xx</sup> Ibrahim Ismail menyatakan seperti berikut:

“Malah para sarjana, termasuk yang bukan Islam juga mengakui bahawa agama adalah darah daging orang Melayu, dan sebahagian sistem hidupnya yang menyeluruh.”<sup>xxi</sup>

## KESULTANAN MELAYU DAN ISLAM

Semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka, negeri-negeri Melayu adalah diperintah oleh Sultan-sultan Melayu yang beragama Islam. Apabila Inggeris menjajah negeri-negeri Tanah Melayu, Sultan-sultan yang beragama Islam masih lagi kekal memerintah dengan mendapat nasihat daripada Residen Inggeris. Sungguhpun demikian, Inggeris tidak memberi nasihat mengenai agama Islam dan adat istiadat Melayu. Perkara agama Islam diserahkan secara mutlak kepada Raja-raja Melayu.

Daripada aspek peranan dan status turun temurun Sultan-sultan Melayu dalam menjaga dan mempertahankan agama Islam tidaklah dapat dinafikan. Cuba hayati petikan titah utama Y.A.M. Raja Muda Perak,

“Raja juga telah dimaktubkan sebagai ketua agama Islam. Peranan ini telah diwarisi sejak era Kesultanan Melayu Islam dan tidak pernah dipindahkan bidangkuasanya. Islam adalah petunjuk moral kepada pemerintahan yang harus diterjemahkan melalui sifat adil lagi saksama, tidak melakukan kezaliman, tidak melakukan penindasan-nilai yang sejagat sifatnya-nilai yang terkandung dalam semua agama. Ajaran Islam begitu sehati dengan institusi Kesultanan Melayu kerana telah sedia terkandung perselarian nilai dan amal yang dianjurkan oleh Islam dalam sistem pemerintahan di era Kesultanan Melayu. Undang-undang Melaka umpamanya menjelaskan bahawa martabat tinggi seseorang Sultan itu dinilai daripada sudut amal makruf baginda menyempurnakan tanggungjawab.”<sup>xxii</sup>

Seterusnya Baginda bertitah:

“Sebagai ketua Islam dan pelindung kepada adat Melayu, institusi raja bertanggungjawab memastikan kesucian agama tidak tercemar dan identiti bangsa kekal dilindungi. Untuk memenuhi peranan sedemikian, payung tersebut yang menjadi lambang kedaulatan negara perlu dijaga dengan baik.”<sup>xxiii</sup>

Mengenai hubungan Islam dan Kesultanan Melayu mengikut Mohd. Taib Osman “...walaupun dikatakan [Malaysia] bukan sebagai Negara Islam, atau kerana lebih daripada separuh penduduknya menganuti Islam, tetapi yang penting adalah sistemnya diakui sebagai mewarisi politik Kesultanan Melayu yang asasnya Islam”.<sup>xxiv</sup> Oleh yang demikian kedudukan Islam sebagai agama rasmi seperti yang termaktub dalam Perlembagaan bukanlah datang bergolek tetapi merupakan realiti semasa dan fakta sejarah lebih setengah abad yang lalu.<sup>xxv</sup> Adalah satu fakta sejarah bahawa “selain perdagangan, ciri politik Kesultanan Melayu ialah komitmen setiap satunya kepada agama Islam.”<sup>xxvi</sup> Tentang betapa pentingnya Islam kepada Kesultanan Melayu jelas kelihatan daripada wasiat Sultan Mansur kepada anaknya Raja Husin (Bergelar Sultan Alauddin) seperti mana yang dicatatkan dengan indahnyanya dalam *Sulalatus Salatin* sebagai berikut:

“Jikalau datang padamu dua pekerjaan, yakni pekerjaan Allah dengan pekerjaan dunia, maka dahulukanlah pekerjaan Allah, tinggalkan pekerjaan dunia...”<sup>xxvii</sup>

Maka dapatlah dikatakan tanpa ragu bahawa “politik Kesultanan Melayu tidak dapat dipisahkan daripada agama Islam.”<sup>xxviii</sup>

Sebelum kedatangan Islam kedudukan raja di bawah sistem pemerintahan Hindu dikaitkan dengan kedewaan yang mana raja mempunyai kuasa sihir dan kekuatan luarbiasa yang tidak dimiliki oleh rakyat biasa.<sup>xxix</sup> Raja memiliki kekuatan, keberanian, kepahlawanan dan kemahiran luar biasa yang dipanggil “shakti”.<sup>xxx</sup> Keistimewaan ini dikatakan diperoleh melalui pertapaan dan pemujaan alat senjata raja yang diistilahkan sebagai “samadhi”.<sup>xxxi</sup> Setelah Islam diterima oleh Raja-raja Melayu keistimewaan raja ini digantikan dengan istilah “daulat”<sup>xxxii</sup> yang dikatakan berunsur Islam.<sup>xxxiii</sup> Manakala penekanan kedudukan raja sebagai “bayangan Allah” yang difahami umum di kalangan kerajaan Islam di Alam Melayu adalah merupakan warisan dan lanjutan daripada amalan oleh para pemerintah kerajaan Abasiyah dan Saljuk di Baghdad, Mamluk di Mesir, Uthmaniyah di Turki dan Khiji serta Moghul di India.<sup>xxxiv</sup> Meletakkan raja dalam kedudukan ini sesuai dan selari dengan konsep kejadian manusia sebagai “khalifah” iaitu sebagai wakil Allah SWT untuk mentadbir dan mengurus dunia.<sup>xxxv</sup> Perubahan ini “telah menjadikan institusi raja sebagai sebagai wahana terpenting dalam memupuk kuasa politik dan ekonomi Islam di alam Melayu.”<sup>xxxvi</sup> *Sejarah Melayu* mencatatkan bahawa raja yang adil adalah melaksanakan perintah Nabi dan Allah s.w.t. Oleh itu kedudukan raja yang adil ini adalah umpama “dua biji permata dalam sebetuk cincin” kerana masing-masing berganding bahu memakmurkan dunia sebagaimana yang diamanahkan oleh Allah.<sup>xxxvii</sup> Dalam mata wang syiling yang dikeluarkan pada zaman kesultanan Melaka terdapatnya tulisan yang menyebut raja sebagai “Penyelamat Agama dan Dunia”.<sup>xxxviii</sup>

Kejayaan Raja-raja Melayu dalam menonjolkan keperkasaan dan kekuatan Islam menjadikan Islam sebagai satu kuasa yang disegani oleh negara-negara jiran yang bukan Islam.<sup>xxxix</sup> “Sebenarnya peranan istana yang paling utama pada masa itu adalah sebagai pusat perancangan politik dalam usaha meluaskan jajahan takluk dan memesatkan penyebaran Islam.”<sup>xl</sup> Adalah juga diakui sejarah bahawa istana memainkan peranan dalam mengukuhkan ajaran Islam, memelihara amalan sistem pemerintahan dan mempertahankannya daripada sebarang ancaman.<sup>xli</sup> Oleh kerana Islam di alam Melayu bukan sahaja merupakan kuasa politik malahan telah menjadi kuasa ekonomi, maka ini menimbulkan rasa cemburu di kalangan bangsa Eropah.<sup>xlii</sup> Malahan penulis berpendapat inilah salah satu faktor tersembunyi yang mendorong Belanda dan Portugis datang ke alam Melayu dan kemudiannya mengambil tindakan agresif berperang dengan Raja-raja Melayu. Pandangan serupa ini telah pun ditegaskan oleh Prof. HAMKA seperti berikut:

“Sebenarnya sesudah kejatuhan Kerajaan Islam terakhir di Spanyol (1492) dan tahun itu juga Columbus mendapat Amerika, keadaan telah terbalik. Di awal Abad Ke-16 tegasnya 1511 Portugis telah merembes ke Malaka, Kerajaan Melayu yang megah itu. Alfonso de Albuquerque memberikan laporan kepada Rajanya di Portugal bahwa dengan jatuhnya Malaka, jalan ke Mekkah dan Madinah bagi orang Islam telah dia runtuhkan.”<sup>xliii</sup>

Dalam penubuhan dan pemupukan Kesultanan Melayu di Johor, Pahang, Perak, Selangor, Kedah, Negeri Sembilan, Terengganu dan Kelantan juga dipengaruhi oleh faktor Islam.<sup>xliv</sup> Sejarah Kesultanan Kedah mencatatkan bahawa Sultan Muhammad Jiwa (1710-1778) ialah seorang raja yang berwibawa kerana kecekapannya mentadbir dan kemesraannya dengan golongan ulama.<sup>xlv</sup> Manakala di bawah Kesultanan Perak, Sultan Iskandar Zulqarnayn Shah (1752-1765) terkenal sebagai seorang raja yang berpegang kepada ajaran Islam.<sup>xlvi</sup> Seterusnya di Terengganu Sultan Zainal Abidin III (1881-1918) “masyhur sebagai seorang Raja yang luas pengetahuan agama dan amat rapat pergaulannya dengan golongan ulama.”<sup>xlvii</sup> “Dalam jangka waktu tiga abad, dari kurun ke 16 hingga kurun ke-19 Masihi, masyarakat Melayu terus terdedah kepada pengaruh Islam, sama ada menerusi istana, dalam bentuk perintah dan pelaksanaan undang-undang berunsur Islam, atau melalui pengajaran oleh guru agama, termasuk mereka yang bergerak dari satu negeri ke negeri yang lain.”<sup>xlviii</sup>

Apabila ahli-ahli sejarah menyebut mengenai zaman kegemilangan Kerajaan Melayu sebelum kedatangan barat dan sejarah Islam, maka Melakalah yang sering ditonjolkan sebagai Kerajan Melayu yang gemilang dan yang pertama menerima Islam.<sup>xlix</sup> Walaupun barangkali ada pendapat yang mengatakan Melaka bukan merupakan penempatan Islam yang pertama di Tanah Melayu ataupun satu-satunya penempatan Islam yang terkemuka pada kurun ke 15 Masihi, tetapi bukti sejarah menjelaskan bahawa Melaka merupakan daerah yang sudahpun mengalami proses pengislaman yang agak menyeluruh pada abad tersebut.<sup>1</sup>

Sejarah mencatatkan bahawa Sultan Muhammad Shah adalah yang pertama masuk Islam iaitu sekitar tahun 680 Hijrah.<sup>li</sup> “Penerimaan Islam oleh Sultan dan Raja Melaka telah membuka laluan penting dalam sejarah Islam umumnya, dan sejarah masyarakat Melaka khususnya. Berikutan pembabitan istana dalam kehidupan Islam, rakyat turut sama terpengaruh untuk mengikut jalan yang telah dipilih oleh pemimpin mereka. Hal ini sedia terakam dalam *Sejarah Melayu*.”<sup>lii</sup> Ini diikuti oleh pembesar-pembesarnya.<sup>liii</sup> Sumber China mencatatkan, pada zaman pemerintahan Sultan Melaka ketiga, Raja dan rakyat telahpun beragama Islam, dan mematuhi ajaran agama Islam.<sup>liv</sup>

Menurut Mohamad Abu Bakar, Melaka bukan sahaja menjadi sebahagian daripada Dunia Islam yang berpaksikan Makkah dan Madinah, tetapi juga berfungsi sebagai paksi kepada Dunia Islam Nusantara berikutan penglibatannya dalam perkembangan dan pemupukan Islam.<sup>lv</sup> Dengan kejayaan ini Melaka telah mengambil alih peranan beberapa penempatan Islam terdahulu seperti Pedir dan Pasai di Sumatera,

serta telah bertindak sebagai benteng yang menyekat pengaruh Buddhisme dan Hinduisme daripada merebak lebih jauh.<sup>lvi</sup>

Pertambahan bilangan penduduk yang agak pesat, daripada sekitar seribu orang pada zaman awalnya hingga ke 200,000 orang sebelum kejatuhan Melaka ke tangan Portugis, Melaka sesungguhnya telah menjadi pengasas Islam yang bermakna, sekalipun hanya dilihat daripada sudut pertambahan angka manusia yang beragama Islam.<sup>lvii</sup>

Kerajaan Melayu Melaka sebelum ditakluki oleh Portugis telahpun melaksanakan undang-undang Islam dalam bentuk yang lebih luas daripada apa yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Undang-undang yang dipraktikkan pada ketika itu adalah termaktub dalam Kanun Melaka. Undang-undang Melaka mengandungi unsur-unsur utama seperti undang-undang laut, undang-undang perkahwinan orang-orang Islam, undang-undang Islam tentang jual beli, dan Undang-undang Johor.<sup>lviii</sup> M. B. Hooker menyatakan unsur-unsur Islam dalam setiap keadaan adalah jelas.<sup>lix</sup> Undang-undang Melaka adalah merangkumi aspek jenayah, muamalah ataupun sistem ekonomi, kekeluargaan, keterangan serta acara.<sup>lx</sup> “Penanaman pengaruh Islam ini berjalan agak lama, kerana kedua-dua undang-undang ini diperkenalkan oleh hampir kesemua sultan Melaka sejak daripada zaman Sultan Megat Iskandar Syah sehinggalah zaman Sultan Mahmud, dan telah mengalami penambahan dari semasa ke semasa.”<sup>lxi</sup> Selain dari itu sarjana-sarjana Barat seperti William R. Roff dan Alferd P. Rubin juga mengakui bahawa Undang-undang Melaka adalah berasaskan undang-undang Islam disamping hukum akal dan adat.<sup>lxii</sup> Pendapat itu memanglah sangat tepat apabila kita melihat kepada Mukaddimah Hukum Kanun Melaka itu sendiri. Undang-undang ini dikatakan ditulis dan disusun oleh Hang Sidi Ahmad atas perintah Sultan Mahmud Syah (memerintah 1488-1511).<sup>lxiii</sup> Sungguhpun demikian terdapat bukti sejarah yang menunjukkan undang-undang ini ditulis dan disusun atas perintah Sultan Muzaffar Shah (memerintah pada tahun 1446-1456).<sup>lxiv</sup> Undang-undang Melaka ini digunakan di seluruh kawasan dan jajahan taklukan kesultanan Melayu Melaka. Salinan-salinan Hukum Kanun ini ditemui di Riau, Pahang, Pontianak dan Brunei Darussalam.<sup>lxv</sup>

Hubungan dan kaitan yang amat rapat antara Raja-raja Melayu dengan agama Islam serta sebagai penjaga kepada ugama haq ini dirakamkan oleh Suruhanjaya Reid dalam Perlembagaan Persekutuan. Artikel 3(2) memperuntukkan dalam tiap-tiap Negeri melainkan Negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai ketua agama Islam dalam Negerinya secara dan setakat mana yang diakui dan diisytiharkan oleh Perlembagaan negeri itu, dan juga tertakluk kepada Perlembagaan Negeri itu, segala hak, keistimewaan, hak kedaulatan dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai ketua agama Islam tidaklah tersentuh dan tercacat. Manakala Artikel 3(3) pula memperuntukkan Perlembagaan-perlembagaan bagi Negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak hendaklah masing-masing membuat peruntukan bagi memberi kepada Yang di Pertuan Agong kedudukan sebagai Ketua agama Islam dalam Negeri itu. Seterusnya Artikel 3(5) menyatakan Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua agama Islam dalam Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Tidakkah peruntukan-peruntukan ini merupakan kesinambungan daripada apa yang dicatatkan oleh sejarah tentang hubungan Raja-raja Melayu dan Islam sebelum kedatangan penjajah Barat?

Pada masa sekarang semua Perlembagaan negeri yang mempunyai sultan menyatakan seorang sultan mestilah beragama Islam. Perlembagaan Negeri Perak dalam artikel 5 Bahagian II Undang-undang Perlembagaan, memperuntukkan Sultan hendaklah beragama Islam bermazhab Shafei. Artikel 17 Perlembagaan Negeri Kedah memperuntukkan Sultan hendaklah beragama Islam bermazhab Ahli Sunnah Waljama’ah. Begitu juga Perlembagaan Negeri Kelantan menurut artikel 15 Undang-undang Perlembagaannya memperuntukkan Sultan mestilah beragama Islam bermazhab Ahlu-Sunnah Wal Jama’ah. Artikel 19 Perlembagaan Perlis memperuntukkan Raja mestilah beragama Islam bermazhab Ahli Sunnah Wal Jama’ah. Manakala artikel 2 Perlembagaan Negeri Johor memperuntukkan Sultan hendaklah beragama Islam. Seterusnya Perlembagaan Negeri Pahang juga memperuntukkan Sultan



mestilah beragama Islam. Oleh yang demikian seorang anak raja yang layak menjadi sultan kerana susur galurnya dan bangsa Melayunya tetap tidak layak ditabal sebagai sultan sekiranya dia tidak beragama Islam.

Maka, memadailah bukti sejarah di atas dijadikan asas oleh Suruhanjaya Reid apabila mereka memutuskannya untuk memasukkan Kesultanan Melayu dan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan.

## KESIMPULAN

Perbincangan di atas membuktikan kehadiran Islam di Tanah Melayu dan kemudiannya Malaysia, bukan satu peristiwa yang berlaku dalam masa sehari atau setahun dua, tetapi ia adalah rekod sejarah yang amat panjang yang mengambil masa hampir lima ratus tahun. Ia telah melalui zaman turun naiknya, melalui berbagai rintangan dan halangan, namun ia masih lagi kekal sebagai satu agama yang tidak dapat dipisahkan daripada roh dan semangat orang Melayu. Islam dan orang Melayu ibarat isi dan kuku, malahan boleh juga dikatakan umpama roh dan jasad. Menurut Tun Salleh Abas “Melayu” dan “Islam” adalah unsur yang bercantum dan tidak boleh dipisahkan untuk tujuan undang-undang dan Perlembagaan.<sup>lxvi</sup>

Dalam konteks dunia Melayu pula ada disebut tentang kedudukan Sultan sebagai bayangan Allah di muka bumi (*dhillullah fil ard*). Malah ada di kalangan ulama di alam Melayu ini menganggap bahawa penabalan raja sebagai fardu kifayah.<sup>lxvii</sup> Ini semua menunjukkan bahawa Kesultanan Melayu dan Islam mempunyai hubungan yang rapat. Bagi Kesultanan Melayu, Islam bukan sekadar digunakan sebagai alasan untuk mengesahkan kewujudannya, sebaliknya Kesultanan itu wujud untuk menjaga agama. Kesultanan Melayu adalah sebagai sebuah institusi yang diasaskan pada prinsip dan semangat agama.<sup>lxviii</sup>

Kesultanan Melayu dan kaitan rapatnya dengan Islam jelas merupakan lanjutan dan rentetan sejarah yang bermula daripada sejarah Kesultanan Melayu Melaka lagi. Oleh yang demikian amatlah wajar Islam dimartabatkan dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai agama Persekutuan (Malaysia) memandangkan Perlembagaan juga memartabatkan Kesultanan Melayu di dalamnya. Boleh dikatakan Islam dan Kesultanan Melayu umpama aur dengan tebing atau umpama isi dengan kuku. Jika berpisah antara mereka, maka lemahlah kedua-duanya. Malah jika kita mengkaji sejarah mana-mana negara di dunia, agama rasmi negara itu adalah menurut agama rajanya atau ketua negaranya. Di England, oleh kerana raja-raja beragama Kristian maka, agama rasmi negaranya ialah Kristian. Seterusnya, di Thailand, agama rasminya ialah Buddha kerana raja-raja beragama Buddha. Manakala, di China, tiada agama rasmi kerana ketua-ketua negaranya adalah tidak beragama. Maka keputusan Suruhanjaya Reid menjadikan Islam agama Persekutuan adalah satu keputusan yang betul.

Pada hari ini, Yang di-Pertuan Agong dilantik daripada kalangan Raja-raja Melayu di negeri-negeri Melayu dan di dalam setiap perlembagaan negeri menghendaki rajanya seorang berbangsa Melayu, beragama Islam dan daripada keturunan diraja. Di dalam sumpah memegang jawatan Yang di-pertuan Agong, baginda mengangkat sumpah dengan didahului oleh lafaz, “*Wallahi, wabillahi, watallahi*” yang merupakan lafaz sumpah yang dikehendaki dalam agama Islam.<sup>lxix</sup> Lafaz sumpah seperti ini juga diucapkan oleh Raja-raja Melayu semasa pertabalan Baginda sebagai Sultan mana-mana negeri. Lagu Kebangsaan Malaysia juga membuktikan kaitan rapat Islam dan Kesultanan Melayu. Rangkap lagu ini berbunyi “Rahmat bahagia Tuhan kurniakan; Raja kita selamat bertakhta.” Manakala salah satu rangkap lagu negeri Kedah berbunyi “Raja menjaga agama Nabi kita”.

Merenung kembali kemasyhuran dan kegemilangan Melaka di zamannya, penulis percaya ia adalah berkat daripada pengiktirafan sewajarnya yang diberikan oleh Sultan-sultan Melayu Melaka kepada

agama Islam dan pelaksanaan undang-undang Islam mengikut cara yang sepatutnya. Benarlah seperti kata Saiyidina Omar Al- Khattab, Khalifah Islam yang kedua.<sup>lxx</sup>

“Kita adalah satu umat yang mana akan ditimpa kehinaan kerana meninggalkan Islam dan akan mendapat kemuliaan kerana mengambil dan melaksanakan Islam.”

Dan sangat benarlah ayat Al-Quran ini yang bermaksud:

“Dan sesiapa yang menolong agama Allah, nescaya Allah pasti akan menolongnya.”<sup>lxxi</sup>

Dan Allah SWT berfirman lagi yang bermaksud:

“Hai orang-orang yang beriman, jika kamu menolong (agama) Allah, nescaya Dia akan menolongmu dan meneguhkan kedudukanmu.”<sup>lxxii</sup>

---

<sup>i</sup> William, G. (1978). *Learning the law* (Tenth edition). London: Steven & Sons, hlm. 194.

<sup>ii</sup> Dr. Rais minta semua bersikap terbuka. (25 Februari 2005). *Berita Harian*, hlm. 1.

<sup>iii</sup> Suruhanjaya Antara Agama bercanggah dengan agama. (25 Februari 2005). *Berita Harian*, hlm. 1.

<sup>iv</sup> Sensitiviti umat Islam mesti dijaga: TPM. (26 Februari 2005). *Berita Harian*, hlm. 1.

<sup>v</sup> Majlis Mufti tolak IRC. (1 April 2005). *Berita Harian*, hlm. 3.

<sup>vi</sup> *Ibid.*, hlm.3

<sup>vii</sup> 1,600 pantau logo halal. (18 Mac 2005). *Berita Harian*, hlm. 1.

<sup>viii</sup> Lihat *Berita Harian*, 18 Mac 2005, hlm. 1,7 dan 11; *Utusan Malaysia*, 18 Mac 2005, hlm. 1,6,10,11; *Utusan Malaysia*, 19 Mac 2005, hlm. 5 dan 6 ; *Berita harian*, 23 Mac 2005, hlm. 12.

<sup>ix</sup> Suruhanjaya Reid dianggotai oleh lima ahli, iaitu Lord Reid (England), Sir Ivor Jennings (England), William McKell (Australia), Hakim Abdul Malik (Pakistan) dan Hakim Abdul Hamid (India).

<sup>x</sup> Hashim Yeop A.Sani (1980). *Our Constitution*. Kuala Lumpur: The law Publishers (M) Sdn. Bhd., hlm. 158.

<sup>xi</sup> AJ Harding, “Islam and Public Law in Malaysia: Some reflections in aftermath of Susie Teoh;s case [1991] 1 M.L.J. xci, hlm. xciii.

<sup>xii</sup> [2000] 5 M.L.J. 375

<sup>xiii</sup> Hamid Jusoh (1990). *Pemakaian Undang-undang Islam kini dan masa depannya di Malaysia*. Al-Ahkam, Jilid 1, cetakan pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 70.

<sup>xiv</sup> *Constitutional Proposal for the Federation of Malaya 1957*, hlm. 20

<sup>xv</sup> *Ibid.*, hlm.20

<sup>xvi</sup> [1990] 2 M.L.J. 300, hlm. 302

<sup>xvii</sup> [1988] 2 M.L.J. 55.

<sup>xviii</sup> Titah utama D.Y.M. Raja Muda Perak Raja Dr. Nazrin Shah. (17 Disember 2004). Darjat tidak datang bergolek. *Utusan Malaysia*, hlm. 7.

<sup>xix</sup> Mohamad Abu Bakar, Islam dalam pembinaan tamudun di Malaysia dalam Mohamad Taib Osman dan A. Aziz deraman (eds.) (2000). *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur ; Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.23.

<sup>xx</sup> *Ibid.*, hlm. 23.

<sup>xxi</sup> Dr. Ibrahim Ismail (8 mei 2000). Agama: Fahami situasi sebenar. *Mingguan Malaysia*, hlm.9

<sup>xxii</sup> Titah utama D.Y.M. Raja Muda Perak Raja Dr. Nazrin Shah. (17 Disember 2004). Darjat tidak datang bergolek. *Utusan Malaysia*, hlm. 7.

<sup>xxiii</sup> *Ibid.*, hlm 7

<sup>xxiv</sup> Mohd. Taib Osman dan A. Aziz Deraman (2000). *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 4.

<sup>xxv</sup> *Ibid.*, hlm. 5.

<sup>xxvi</sup> *Ibid.*, hlm. 5.

<sup>xxvii</sup> *Ibid.*, hlm. 5.

<sup>xxviii</sup> *Ibid.*, hlm. 5.

- xxix Auni Haji Abdullah, Kerajaan Melayu: Sendi Islam dalam pemerintahan tradisi dalam Mohamad Taib Osman dan A.Aziz Deraman (eds.) (2000). *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 71.
- xxx *Ibid.*, hlm. 71.
- xxxi *Ibid.*, hlm. 71.
- xxxii Menurut Encyclopedia of Islam, 1974 (Edisi Baharu) Jil: 11 hlm. 177-178, istilah “daulat” adalah berasal dari pada perkataan Arab yang bermaksud kuasa atau kerajaan.
- xxxiii *Op.cit.*, hlm. 71.
- xxxiv Auni Haji Abdullah, “Kerajaan Melayu: Sendi Islam dalam pemerintahan tradisi” dalam Mohamad Taib Osman dan A.Aziz Deraman(eds.) (2000). *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 73.
- xxxv *Ibid.*, hlm. 74.
- xxxvi *Ibid.*, hlm. 74.
- xxxvii *Ibid.*, hlm. 76.
- xxxviii *Ibid.*, hlm. 76.
- xxxix *Ibid.*, hlm. 74.
- xl *Ibid.*, hlm. 77.
- xli *Ibid.*, hlm. 77.
- xlii *Ibid.*, hlm. 74.
- xliiii HAMKA (1981). *Doktrin Islam: Iman menimbulkan keberanian*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Melayu Baru, hlm. 23.
- xliiv Mohamad Abu Bakar, “Islam dalam pembinaan tamadun di Malaysia”, dalam Mohamad Taib Osman dan A.Aziz Deraman(eds.) (2000). *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 34.
- xlv Auni Haji Abdullah, “Kerajaan Melayu: Sendi Islam dalam pemerintahan tradisi”, dalam Mohamad Taib Osman dan A.Aziz Deraman(eds.) (2000). *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 73.
- xlvi *Ibid.*, hlm. 73.
- xlvii *Ibid.*, hlm. 73.
- xlviii Mohamad Abu Bakar, “Islam dalam pembinaan tamadun di Malaysia” dalam Mohamad Taib Osman dan A.Aziz Deraman (eds.) (2000). *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 34.
- xlix Hooker, M.B. (1991). *Undang-undang Islam di Asia Tenggara* ( terj. Rohani Abdul Rahim, Raja Rohana Raja Mamat & Anisah Che Ngah ). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.148
- <sup>1</sup> Mohamad Abu Bakar, “Islam dalam pembinaan tamadun di Malaysia” dalam Mohamad Taib Osman dan A. Aziz Deraman (eds.) (2000). *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 383.
- <sup>li</sup> Dikatakan Sultan Muhammad Shah adalah yang pertama masuk Islam sekitar tahun 680 Hijrah. Lihat Muhammad Yusof Hashim (1989). *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 383.
- <sup>lii</sup> Mohamad Abu Bakar, “Islam dalam pembinaan tamadun di Malaysia” dalam Mohamad Taib Osman dan A. Aziz deraman (eds.) ( 2000). *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 27.
- <sup>liii</sup> *Ibid.*, hlm. 28.
- <sup>liv</sup> *Ibid.*, hlm.30.
- <sup>lv</sup> *Ibid.*, hlm. 26.
- <sup>lvi</sup> Yahya Abu Bakar, “Kemasukan Islam ke Melaka dan penyebarannya”, *Journal Sejarah Melaka*, Bil. 7, 1982, hlm. 30.
- <sup>lvii</sup> *Op. cit.*, hlm.27.
- <sup>lviii</sup> Hooker, M.B., 1991. *Undang-undang Islam di Asia Tenggara* (terj. Rohani Abdul Rahim, Raja Rohana Raja Mamat & Anisah Che Ngah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.10
- <sup>lix</sup> *Ibid.*, hlm 10.
- <sup>lx</sup> Liaw Yock Fang (1976). *Undang-undang Melaka*. The Hague: Martinus Nijhoff, hlm. 12.
- <sup>lxi</sup> Mohamad Abu Bakar, “Islam dalam pembinaan tamadun di Malaysia” dalam Mohamad Taib Osman dan A. Aziz Deraman (eds.) (2000). *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 29.
- <sup>lxii</sup> Abdullah Alwi Hassan, “Pertumbuhan pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia” dalam Mohamad Taib Osman dan A.Aziz Deraman (eds.) (2000). *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 127.
- <sup>lxiii</sup> *Ibid.*, hlm. 127-128.
- <sup>lxiv</sup> Ini berdasarkan catatan *Sejarah Melayu* dan lima manuskrip *Risalat Hukum Kanun*.

---

<sup>lxv</sup> *Op.cit.*, hlm.128

<sup>lxvi</sup> Tun Salleh Abas, 1978. “ Traditional Elements of the Malaysian Constitution “ dalam Mohamed Suffian, H.P. lee & Trindade (eds.). *The Constitution of Malaysia: Its Development 1957 – 1977*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

<sup>lxvii</sup> Mohd. Nor bin Ngah (1983). *Kitab Jawi: Islamic Thought of the Malay- Muslim Scholars*. Hlm 40-4.

<sup>lxviii</sup> Dr. Abdul Aziz bin Bari, Institusi Ketua Negara, Ketua Negeri dan Majlis Raja-Raja dalam Ahmad Ibrahim et. al (1999). *Perkembangan Undang-undang Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 47.

<sup>lxix</sup> Lihat Perkara 37 dan Jadual Keempat *Perlembagaan Persekutuan*.

<sup>lxx</sup> Hairuddin Megat Latif, “Status dan kedudukan Undang-Undang Islam di Malaysia sehingga kini.” [1992] 2 C.L. J. iii, hlm.x.

<sup>lxxi</sup> Al-Qur’an: Surah al- Hajj, ayat 40.

<sup>lxxii</sup> Al-Qur’an: Surah Muhammad, ayat 7.